

MBSB proses pembiayaan rumah mampu milik RM6 bilion

Oleh NUR HANANI AZMAN
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 17 April - MBSB Bank Bhd. sedang memproses pembiayaan bernilai kira-kira RM5 hingga RM6 bilion untuk diluluskan pada tahun ini di bawah segmen perumahan mampu milik.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MBSB Bank, Datuk Seri Ahmad Zaini Othman berkata, pembiayaan itu melibatkan sembilan projek di bawah Perumahan Rakyat 1Malaysia (PRIMA) dengan nilai pembangunan kasar (GDV) RM1.61 bilion.

Katanya, pembiayaan itu turut merangkumi 15 projek di bawah Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) bernilai RM7.5 bilion dan enam projek Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (Rumawip) bernilai RM600 juta.

Jelas beliau, setakat ini MBSB Bank telah meluluskan pembiayaan bernilai lebih RM2 bilion untuk skim PPA1M, lebih RM900 juta untuk Rumawip dan kira-kira RM1.6 bilion bagi projek PRIMA.

"Pembiayaan terbaharu ini adalah bagi Skim Rumah Pertamaku (SRP) menerusi kerjasama dengan Cagamas SRP Bhd. yang menjadikan MBSB Bank sebagai bank yang ke-23 terlibat dalam program berkenaan.

"Kerjasama ini seiring dengan fokus institusi perbankan kami yang mahu menumpukan kepada pembiayaan bagi rumah mampu milik di dalam negara," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Terdahulu MBSB Bank menandatangani kerjasama dengan Cagamas SRP bagi Program Jaminan Gadai Janji untuk SRP.

Yang turut hadir, Pengarah Cagamas SRP yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Cagamas Bhd., Datuk Chung Chee Leong.


SRP yang dilancarkan sejak 8 March 2011 merekodkan sebanyak 7,920 pembiayaan atau pinjaman bernilai RM1.6 bilion setakat ini yang telah dijamin oleh Cagamas SRP melibatkan 22 bank.

Menurut Chee Leong, jumlah pembiayaan ini diunjur meningkat kira-kira 10 ke 20 peratus dengan adanya penyertaan MBSB Bank dan bank-bank lain pada masa

Malaysia Building Society Berhad (MBSB) melengkapkan pengambilalihan Asian Finance Bank (AFB) pada 7 Februari 2018

Melibatkan transaksi bernilai **RM644.95 juta**

6 FAKTA MENARIK



UTUSANMALAYSIA

Sumber: Malaysia Building Society Berhad



AHMAD ZAINI OTHMAN (dua dari kiri) dan Chung Chee Leong menunjukkan dokumen perjanjian MBSB dengan Cagamas SRP sambil disaksikan Pengerusi MBSB, Tan Sri Abdul Halim Ali (kiri) dan Pengerusi Cagamas Holdings Berhad, Nik Hasyudeen Mohd. Yusoff (kanan) di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/SHAFUDIN MOHD NOR

akan datang.

"Antara kriteria untuk membuat permohonan SRP adalah

pendapatan kasar peminjam perseorangan tidak lebih daripada RM5,000 sebulan dan pendapa-

tan kasar peminjam bersama tidak lebih daripada RM10,000 sebulan," katanya.